

**Formula Agihan Kerusi BN Sabah Diselesai Atas Semangat Setiakawan  
Bernama  
21 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 21 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah harus menyelesaikan formula agihan kerusi dalam kalangan parti komponen atas semangat setiakawan bagi mencapai kemenangan parti pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Seri Musa Aman yang menyifatkan isu itu sebagai 'lumrah' yang akan dibangkitkan oleh mana-mana parti komponen termasuk Umno pada setiap kali pilihan raya akan berlangsung.

"Ini perkara biasa mahu tambah kerusi termasuk Umno kerana kita menghadapi pilihan raya umum bukan untuk kali pertama tetapi untuk suatu tempoh yang panjang...kita akan selesai bila masa sudah ditetapkan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri, di sini malam Rabu.

Ketua Menteri Sabah, yang juga Pengerusi BN negeri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu mengkaji semula formula agihan kerusi yang hangat diperkatakan di kalangan parti komponennya bagi menghadapi PRU ke-13.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654016>